

# PROGRAM PENTAULIAHAN PENGURUS PEMBINAAN

*“CERTIFIED CONSTRUCTION MANAGER (CCM)”*



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Tingkat 10, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
No. 45, Jalan Tun Ismail  
50480 Kuala Lumpur

## 1.0 PENGENALAN

### PROGRAM PENTAULIAHAN PENGURUS PEMBINAAN

Kejayaan sesebuah projek pembinaan bergantung kepada pengurusan projek pembinaan yang efektif, dan Pengurus Pembinaan memainkan peranan utama ke arah ini dengan memastikan projek-projek pembinaan mereka diuruskan dengan berkesan. Beroperasi peringkat pembinaan di tapak-tapak bina, mereka memikul tanggungjawab untuk memastikan semua aktiviti pembinaan dijalankan dengan efisien dan efektif. Tanggungjawab ini bermula di peringkat tender lagi. Apabila berjaya, mereka dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk memastikan projek dapat disiapkan di dalam masa, kos dan kualiti yang disasarkan. Ini merangkumi mobilisasi tapak bina di peringkat awal projek sehingga menamatkan projek di peringkat Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defects Liability Period, DLP*). Untuk membolehkan mereka boleh memikul tanggungjawab ini, mereka mesti mempunyai beberapa set skil/kemahiran dan pengetahuan tentang pengurusan pembinaan, di samping memastikan semua garis panduan dan syarat keselamatan dan kesihatan serta pemeliharaan alam sekitar dipatuhi.

Di dalam merealisasikan kejayaan sesebuah projek pembinaan, industri perlu mempunyai pengurus-pengurus pembinaan yang kompeten. Maka industri pembinaan Malaysia melalui CIDB, telah membangunkan Standard Kompetensi Industri Pembinaan (*Construction Industry Competency Standard, CICS*) untuk Pengurus Pembinaan. *CICS for Construction Manager* ini diletakkan di Tahap 5 Struktur Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Structure*) dalam kategori personel *Building and Construction* dalam Sub-sektor Kejuruteraan Awam (*Civil Engineering*). Inisiatif ini akan membantu industri pembinaan Malaysia membangunkan lebih ramai Pengurus Pembinaan yang benar-benar kompeten. Mereka yang telah dinilai kompeten, iaitu memiliki pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya akan dianugerahkan Perakuan Kecekapan Pengurusan (PKP) sebagai Pengurus Pembinaan Bertauliah (*Certified Construction Manager, CCM*). Proses ini akan membantu industri melahirkan lebih ramai pengurus-pengurus pembinaan yang bertauliah dan kompeten. Hanya pengurus pembinaan yang bertauliah sahaja akan dibenarkan untuk menguruskan projek-projek pembinaan apabila Akta CIDB 520, Bahagian VII – 33 (1) di kuatkuasakan sepenuhnya.

## 2.0 MATLAMAT & OBJEKTIF PROGRAM

Program Pentauliah Pengurus Pembinaan ini bermatlamat untuk membolehkan industri pembinaan Malaysia, melatih dan mentauliah Pengurus Pembinaan yang kompeten melalui Pensijilan Pengurus Pembinaan (*Certified Construction Managers*, (CCM)) selaras dengan kehendak **AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994 (AKTA 520) (Pindaan 2011)** dan ***Construction Industry Transformation Programme CITP 2019-2023***.

### 2.1 OBJEKTIF PROGRAM:

- a. Menawarkan kepada pengurus-pengurus pembinaan yang berkhidmat di dalam industri pembinaan Malaysia alternatif-alternatif untuk mendapat pengiktirafan sebagai Pengurus Pembinaan Bertauliah (*Certified Construction Manager, CCM*).
- b. Menyokong inisiatif untuk meningkatkan tahap kompetensi Pengurus Pembinaan Malaysia ketahap yang diiktiraf di peringkat antarabangsa
- c. Menyokong pelaksanaan AKTA CIDB, Bahagian VII -33 (1) untuk mendaftar *Certified Construction Managers (CCM)*
- d. Memastikan hanya pengurus pembinaan yang bertauliah sahaja yang menguruskan projek pembinaan,
- e. Merekod dan menyimpan satu pengkalan data pengurus pembinaan yang bertauliah di dalam industri pembinaan Malaysia.

## 3.0 AKTA 520, AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994 (Pindaan 2011)

**AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994 (AKTA 520) (Pindaan 2011)**, Bahagian II, Seksyen 4 (1)(k) menyatakan fungsi Lembaga ialah mendaftar, mengakreditasi dan memperakukan personel binaan dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran, akreditasi dan pemerakuan personel binaan itu.

#### 4.0 KRITERIA YANG DIUKUR PADA PENGURUS PEMBINAAN BINAAN

Kriteria utama yang diukur pada setiap Pengurus Pembinaan di dalam penilaian kekompetenan adalah seperti di bawah:

- a) *FUNDAMENTALS OF CONSTRUCTION MANAGEMENT COMPETENCIES*
- b) *TENDERING MANAGEMENT.*
- c) *SITE MOBILISATION MANAGEMENT*
- d) *CONSTRUCTION PLANNING & IMPLEMENTATION*
- e) *CASH FLOW MANAGEMENT*
- f) *CONSTRUCTION QUALITY MANAGEMENT*
- g) *SAFETY & HEALTH MANAGEMENT*
- h) *ENVIRONMENTAL PROTECTION MANAGEMENT*
- i) *PROJECT PERSONNEL/STAFF MANAGEMENT*
- j) *CONSTRUCTION MATERIALS MANAGEMENT*
- k) *CONSTRUCTION LABOUR MANAGEMENT*
- l) *SUB-CONTRACTORS MANAGEMENT*
- m) *PLANT & MACHINERY MANAGEMENT*
- n) *SUNDRY CONSTRUCTION MANAGEMENT DUTIES*
- o) *SITE OFFICE MANAGEMENT*
- p) *CONTRACT ADMINISTRATION*
- q) *PROJECT HANDOVER MANAGEMENT*

#### 5.0 KUMPULAN SASARAN

Personal binaan dari latarbelakang senibina, kejuteraan, pengurusan projek, pengurusan pembinaan dan bidang-bidang yang berkaitan yang memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Lembaga adalah digalakkan untuk memohon menjadi Pengurus Pembinaan Bertauliah (*Certified Construction Manager, CCM*).

#### 6.0 ALTERNATIF-ALTERNATIF UNTUK PENTAULIAHAN

Terdapat tiga (3) kaedah pentauliahan yang disediakan seperti di Jadual 1. Peserta boleh memohon untuk ditauliahkan mengikut alternatif-alternatif pentauliahan yang disediakan berasaskan kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan. Bagi ketiga-tiga kaedah ini peserta

akan dibekalkan dengan **Construction Industry Competency Standard CICS** Pengurus Pembinaan apabila beliau memohon untuk ditauliahkan. CICS ini adalah rujukan utama yang digunapakai di dalam melaksanakan pentauliahan.

**Jadual 1. Alternatif-alternatif Kaedah Pentauliahan (akreditasi) Pengurus Pembinaan**

KAEDAH 1: LATIHAN DAN PENILAIAN	KAEDAH 2: PENILAIAN BERTULIS	KAEDAH 3: PENGIKTIRAFAN MELALUI TAHAP PENGALAMAN DAN PENDIDIKAN
Mengikuti kesemua 17 pakej pembelajaran pengurusan pembinaan dan LULUS penilaian.	Menduduki penilaian pengurusan pembinaan bertulis ,120 soalan dalam masa tiga jam dan LULUS penilaian.	Menghadiri sesi temuduga di mana kompetensi akan dinilai dari segi pengalaman, kemahiran serta pengetahuan tentang pengurusan pembinaan dan LULUS penilaian.

## 7.0 STRUKTUR PERLAKSAAAN PENTAULIAHAN

7.1 Kaedah dan Proses Pentauliahan adalah seperti Jadual 2

**Jadual 2: Kaedah dan Proses Pentauliahan**

JENIS KAEDAH	PROSES PENTAULIHAN (AKREDITASI)
<p><b>Kaedah 1:</b> Latihan dan Penilaian</p>	<p><b>Menjalani kursus/latihan dan menduduki penilaian KA&amp;PA bagi setiap modul latihan.</b>  <b>LULUS</b> – Dianugerah Perakuan Kecekapan Pengurusan Pembinaan (Tahap 5)  <b>GAGAL</b> – Ulangi latihan bagi modul latihan yang gagal dan dinilai semula.</p>
<p><b>Kaedah 2:</b> Penilaian sahaja</p>	<p><b>Menduduki penilaian bertulis</b>  <b>LULUS</b> – Dianugerah Perakuan Kecekapan Pengurusan Pembinaan (Tahap 5)  <b>GAGAL</b> – Disarankan agar menjalani latihan dan dinilai semula (Kaedah 1/2).</p>
<p><b>Kaedah 3:</b> Pengiktirafan Tahap Pendidikan dan Pengalaman (RPLE)</p>	<p><b>Mengemukakan Maklumat Pengalaman (Portfolio) dan Pendidikan dan menduduki penilaian melalui temuduga</b>  <b>LULUS</b> – Dianugerah Perakuan Kecekapan Pengurusan Pembinaan (Tahap 5)  <b>GAGAL</b> – Menghadiri mana-mana kaedah pentauliahan pada masa yang bersesuaian</p>

## 8.0 SYARAT DAN KRITERIA KELAYAKAN

Kriteria kelayakan pentauliahan Pengurus Pembinaan adalah seperti **Jadual 5**.

**Jadual 5.** Syarat dan Kriteria kelayakan pentauliahan Pengurus Pembinaan

BIL	SYARAT KEMASUKAN MINIMUM	KELAYAKAN MINIMA PENGALAMAN DALAM PROJEK PEMBINAAN/BERKAITAN		
		Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
1	Professional Berdaftar (Ar, Ir, Sr,)	-	3	3
2	Sarjana dalam Pengurusan Projek, Pengurusan Pembinaan dan bidang berkaitan pembinaan	3	5	5
3	Sarjana Muda dalam Pengurusan Pembinaan dan bidang berkaitan pembinaan	3	6	6
4	Sarjana Muda dalam bidang bukan berkaitan pembinaan	5	7	8
5	Diploma dalam Pengurusan Pembinaan dan bidang berkaitan pembinaan	5	8	8
6	Diploma dalam bidang bukan berkaitan pembinaan	8	10	10
7	Sijil dalam bidang berkaitan pembinaan	10	12	12
8	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 5 dalam bidang pembinaan	10	12	12
9	Lepasan sekolah (SPM, SRP dan lain-lain)	10	15	15

\*Graduan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja di tapak bina sebelum boleh diluluskan sebagai Pengurus Pembinaan Bertauliah.

\*NOTA: Calon-calun juga dikehendaki menunjukkan bukti pengalaman kerja mereka sama ada melalui surat sokongan atau surat perakuan daripada majikan sekarang dan/atau lepas atau sebarang dokumen lain yang diminta oleh CIDB.

## 9.0 PERAKUAN KECEKAPAN PENGURUSAN

**Perakuan Kecekapan Pengurusan (PKP) tahap 5** bagi Pentauliahan Pengurus Pengurusan Pembinaan adalah bentuk pensijilan yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga kepada peserta yang telah **LULUS** penilaian dan mengikut syarat-syarat pentauliahan seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga.

## 10.0 BORANG PERMOHONAN

Borang permohonan bagi mengikuti program ini boleh diperolehi dan diisi secara atas talian di laman sesawang CIDB: [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

## 11.0 PERTANYAAN

Jika terdapat apa-apa pertanyaan berkaitan permohonan atau Program Pentauliahan Pengurus Pembinaan sila hubungi pegawai-pegawai di Bahagian Kompetensi Penyeliaan dan Pengurusan (BKPP), Sektor Dasar dan Personnel Binaan, Ibu Pejabat CIDB Email: [hani@cidb.gov.my](mailto:hani@cidb.gov.my) / [ili.aqilah@cidb.gov.my](mailto:ili.aqilah@cidb.gov.my) , atau talian talipon 03-40477321/40477342 atau mana-mana Pejabat- pejabat Negeri CIDB.

